

HADIS SEBAGAI ASAS MODEL EKONOMI KENDIRI ISLAM: ANALISIS TEMATIK TERHADAP *AL-SAHIHAYN* DAN PRINSIP PEMBANGUNAN MAMPAN

Hadith as Foundations of the Islamic Self-Reliant Economic Model: A Thematic Analysis of *al-Sahihayn* and Principles of Sustainable Development

Mohd Nor Adzhar Ibrahim^{*1}, Norazmi Anas², Mohd Erfino Johari³, Mohd Solleh Ab Razak⁴, Amran Abdul Halim⁵ & Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar⁶

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia [ORCID ID [0000-0001-6578-5126](https://orcid.org/0000-0001-6578-5126)]

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia [ORCID ID [0000-0002-4176-7625](https://orcid.org/0000-0002-4176-7625)]

³Pusat Islam, Umum dan Pengajian Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia [ORCID ID [0009-0009-2637-4864](https://orcid.org/0009-0009-2637-4864)]

⁴Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia [ORCID ID [0009-0006-4039-1618](https://orcid.org/0009-0006-4039-1618)]

⁵Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia [ORCID ID [0000-0002-6975-0921](https://orcid.org/0000-0002-6975-0921)]

⁶Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia [ORCID ID [0000-0001-6070-0912](https://orcid.org/0000-0001-6070-0912)]

*Corresponding author: mnor.adzhar@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-02>

Article history

Received: 28/02/2026

Revised: 09/06/2026

Accepted: 17/06/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Ekonomi sendiri merupakan teras kesejahteraan dalam ajaran Islam yang berfungsi sebagai mekanisme keseimbangan antara kelestarian individu dan kemakmuran kolektif. Walaupun signifikan, kajian mendalam yang meneliti hadis sebagai kerangka epistemologi pembangunan ekonomi sendiri melalui pendekatan tematik (*mandu'i*) yang sistematik masih jarang ditemui. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap 21 hadis berkaitan aktiviti ekonomi sendiri daripada *al-Sahihayn*, dengan menggabungkan kaedah *dirasah mandu'yyah min al-hadith* untuk mendapatkan gambaran holistik terhadap tema perbincangan. Setiap hadis dinilai berdasarkan periwayatan, tema aktiviti, dan prinsip asas pembangunan ekonomi sendiri. Hasilnya, kesemua hadis berstatus sahih ini diriwayatkan oleh sahabat-sahabat utama yang menegaskan keluasan autoriti dan kredibiliti naratif. Empat domain aktiviti dikenal pasti, iaitu: perniagaan, pertanian, kemahiran teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET), dan perkhidmatan, yang disokong oleh empat prinsip teras, iaitu: kejujuran dan ketelusan, kepakaran dan profesionalisme, keadilan sosial dalam agihan sumber, serta upah halal yang sepadan dengan usaha. Kajian ini mengemukakan kerangka konseptual yang kukuh bagi

pembentukan model ekonomi sendiri Islam yang mampan, inklusif, dan strategik, serta relevan untuk dijadikan sebagai rujukan dasar dan amalan dalam menghadapi cabaran ekonomi global masa kini.

Kata Kunci: Analisis Tematik, Hadis Nabawi, Hadis *Mawdu'i*, Keberdayaan Ekonomi Islam, Pembangunan Ekonomi Kendiri

Abstract

Self-reliant economy represents a core principle in Islamic teachings, functioning as a mechanism to balance individual sustainability and collective prosperity. Despite its significance, in-depth studies employing systematic thematic (*mawdu'i*) methodology to explore hadith as an epistemological framework for self-reliant economic development remain limited. This study employs a qualitative approach using thematic hadith analysis (*dirasah mawdu'iyah min al-hadith*) of 21 hadith related to self-reliant economic activities sourced from *al-Sahihayn*. Each hadith was assessed in terms of narration, activity themes, and foundational principles of self-reliant economic development. All 21 hadith carry sahih status and are narrated by prominent companions, reflecting breadth of authority and narrative reliability. Four main activity domains were identified: trade, agriculture, technical skills (Technical and Vocational Education and Training- TVET), and services, underpinned by four fundamental principles: honesty and transparency, expertise and professionalism, social justice in resource distribution, and lawful wages proportional to effort. This study provides a conceptual framework for developing a sustainable, inclusive, and strategic Islamic self-reliant economic model relevant as a policy and practice reference for addressing contemporary global economic challenges.

Keywords: Islamic Economic Resilience, Prophetic Traditions, Self-Reliance in Economic Development, Thematic Analysis, Thematic Hadith (*Mawdu'i*) Approach

PENGENALAN

Pembangunan ekonomi sendiri merupakan salah satu tonggak penting dalam memacu kesejahteraan masyarakat Islam dan kelestarian sosial ekonomi ummah (Latukau et al., 2021; Mohamad & Othman, 2018). Ia berasaskan gabungan unik falsafah sosio-ekonomi yang berakar umbi dalam ajaran dan prinsip Islam itu sendiri (Choudhury, 2016; Kahf, 2019). Dalam konteks Islam, pembangunan ekonomi tidak hanya diukur melalui peningkatan material dan kemajuan fizikal semata-mata, tetapi turut berlandaskan nilai-nilai spiritual, etika kerja, dan prinsip kemandirian yang selari dengan panduan syariah (Syamsuddin, 2022). Nilai-nilai ini membentuk teras etika yang mengawal tingkah laku ekonomi individu dan institusi dalam kerangka sistem ekonomi Islam (Furqani et al., 2020). Sejak awal kebangkitan Islam, hadis telah menjadi sumber utama yang memberi panduan tentang bagaimana umat Islam dapat menguruskan kehidupan ekonomi mereka secara berdikari, bermaruah, dan berdaya tahan (Koller, 2004; Syamsuri, 2020). Melalui tindakan dan sabdaannya, Nabi Muhammad SAW telah mempraktikkan kesamarataan tanpa mengira status sosial atau ekonomi yang menjadi prinsip asas dalam al-Quran (Majid et al., 2024). Prinsip ini menjadi teras pembangunan ekonomi sendiri dalam Islam, yang menuntut setiap individu diberi peluang sama untuk berusaha, berdikari, dan meningkatkan taraf hidup berdasarkan kerja keras dan takwa, bukan keturunan atau kedudukan.

Banyak hadis yang membicarakan soal usaha mencari rezeki, mengelakkan sifat memintaminta, keutamaan bekerja dengan tangan sendiri, serta pentingnya kebergantungan kepada Allah SWT dalam menjalani aktiviti ekonomi (Rasheedi et al., 2022). Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu tentang ekonomi Islam dan pengajian hadis lebih cenderung menekankan dimensi normatif atau pengaplikasian prinsip-prinsip fiqh (Addas, 2008), tanpa mengangkat secara

mendalam aspek sistematik sumber hadis dan profil perawi yang meriwayatkannya (Yusoff, 2020). Di samping itu, kajian yang menggabungkan analisis tematik dengan pemetaan taburan hadis dan perawi secara komprehensif juga masih terbatas (Azmi et al., 2019). Pendekatan sedia ada didapati memfokuskan kepada pemilihan hadis secara terpilih tanpa memberikan gambaran menyeluruh mengenai taburan hadis mengikut kitab dan rantaian periwayatan yang mendasari pembentukan prinsip-prinsip ekonomi Islam (Ibrahim et al., 2025a).

Selain itu, tema kerjaya dalam hadis turut memainkan peranan yang signifikan dalam membina asas pembangunan ekonomi sendiri umat Islam (Ghazali et al., 2023; Siregar & Majid, 2023). Hadis-hadis berkaitan perniagaan, pertanian, kemahiran teknikal, dan perkhidmatan menggambarkan kepelbagaian bidang kerjaya yang diiktiraf dan dianjurkan dalam Islam (Abdullah & Rofie, 2023; Shahrudin et al., 2021). Pemahaman mendalam tentang tema kerjaya ini mampu memberikan panduan praktikal terhadap usaha pemerkasaan ekonomi dan penjana sumber pendapatan ummah secara lebih sistematik (Chin et al., 2017). Namun, kajian terhadap kerjaya dalam hadis seringkali dipandang secara umum tanpa analisis tematik yang terperinci, khususnya dalam mengaitkannya dengan strategi pembangunan ekonomi kontemporari.

Dalam konteks yang lebih luas, konsep-konsep asas ekonomi Islam yang terkandung dalam hadis seperti *al-Kasb* (usaha dan bekerja), *al-Istighna'* (kemandirian dan menjauhi sifat meminta-minta), dan *al-Tawakkul* (kebergantungan kepada Allah SWT disertai dengan usaha) merupakan nilai teras yang mendasari daya tahan ekonomi umat Islam (Marzuki et al., 2021). Nilai-nilai ini bukan sahaja membentuk etika kerja dan pemikiran ekonomi umat pada zaman awal Islam, malah kekal relevan untuk diaplikasikan dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh konsep-konsep ini, ia jarang dianalisis secara sistematik melalui pendekatan tematik yang menghimpunkan keseluruhan hadis berkaitan dan meneliti hubungan antara tema (Ibrahim et al., 2025b).

Menurut Md Ariffin et al. (2023), aspek pendalilan terhadap hadis perlu dianalisis secara lebih mendalam selepas sumbernya dikenal pasti. Salah satu aspek pendalilan ialah perbincangan terhadap temanya. Justeru, bagi mengisi kelompongan ini, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan analisis komprehensif terhadap hadis-hadis berkaitan aktiviti pembangunan ekonomi sendiri. Pendekatan yang digunakan menggabungkan analisis tematik terhadap hadis dengan pemetaan taburan hadis mengikut sumber periwayatan dan profil perawi, di samping meneliti tema kerjaya serta konsep asas ekonomi Islam yang menjadi teras daya tahan ekonomi ummah. Objektif utama kajian ini adalah: (i) meneliti taburan hadis yang merangkumi sumber periwayatan dan profil perawi yang meriwayatkannya secara sistematik; (ii) menganalisis tema kerjaya dalam hadis sebagai asas pembangunan ekonomi umat Islam; dan (iii) mengenal pasti serta menghuraikan prinsip utama pembangunan ekonomi sendiri yang berperanan dalam membina daya tahan ekonomi umat Islam.

SOROTAN LITERATUR

Tradisi kenabian melalui sabdaan baginda SAW telah memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan pemikiran ekonomi Islam, khususnya dalam aspek berdikari, pencarian rezeki yang beretika, dan pembangunan ekonomi secara menyeluruh (Nasir, 2024). Baginda sendiri telah melaksanakan prinsip-prinsip ekonomi yang menekankan keadilan, kesaksamaan, serta larangan terhadap amalan bersifat eksploitasi (Yaka, 2022). Prinsip-prinsip ini dizahirkan dalam sistem ekonomi Islam yang berusaha mencapai keseimbangan antara keperluan material dan spiritual (Dol Malek et al., 2024). Dalam masa yang sama, epistemologi tauhidik bersumberkan wahyu yang menekankan konsep keesaan Allah SWT telah menawarkan kerangka komprehensif bagi pemahaman dan pelaksanaan model ekonomi Islam (Choudhury, 2016). Pendekatan ini mengintegrasikan pelbagai sumber ilmu dan mengaplikasikannya secara holistik terhadap isu-isu ekonomi kontemporari (Furqani & Haneef, 2019). Oleh kerana hadis memiliki kepentingan yang amat besar dalam peradaban dan kehidupan sosial manusia, pelbagai kajian

mendalam telah dijalankan terhadapnya. Perkara ini turut menarik minat para penyelidik daripada pelbagai disiplin, termasuk bidang sains pengurusan maklumat (Jamal et al., 2025).

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kajian ilmiah semakin banyak memberi tumpuan kepada analisis tematik, taburan sumber, pemprofilan perawi, serta dimensi kerjaya yang terkandung dalam hadis. Pendekatan ini menawarkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap hubungan antara keimanan dan amalan ekonomi berdasarkan panduan Nabi SAW (Jokar & Mahdavidar, 2020; Yanto & Tidjani, 2024). Analisis tematik hadis muncul sebagai metodologi yang kukuh dalam mengekstrak prinsip-prinsip ekonomi yang relevan dengan cabaran semasa (Ibrahim et al., 2025b). Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif seperti deskriptif-analitis dan analisis kandungan berjaya mengklasifikasikan hadis mengikut tema tertentu seperti kejujuran, keadilan, larangan riba, keprihatinan sosial, dan etika pelaburan (Aini & Ambarrukmo, 2024; Coy & Tidjani, 2024).

Sebelum analisis tematik terhadap hadis dapat dijalankan, asas metodologinya perlu difahami dengan jelas. Dalam perbincangan ilmu *mustalah al-hadith* kontemporari, istilah *hadith mawdu'i* merujuk kepada satu metodologi untuk menganalisis tema yang terdapat dalam hadis Nabawi berstatus *maqbul* dengan tujuan mendapatkan gambaran holistik terhadap tema perbincangan supaya pengajaran dapat diambil daripadanya sesuai dengan realiti masa kini (Ibrahim & Shamsudin, 2020). Para sarjana hadis kontemporari terbahagi kepada dua kumpulan utama dalam memahami konsep ini. Sebahagian mereka merujuk *hadith mawdu'i* sebagai *dirasah mawdu'iyah min al-hadith*, iaitu kajian bersifat teknikal dan konstruktif terhadap himpunan hadis bertema sama. Sebahagian yang lain pula merujuknya sebagai *syarh al-mawdu'i li al-hadith*, iaitu syarahan hadis secara tematik (Ibrahim & Shamsudin, 2020; al-Malyabari, 2014). Walaupun berbeza pada sudut langkah kajian, kedua-dua kumpulan ini berkongsi matlamat yang sama, iaitu memahami tema perbincangan secara holistik dan tidak berpada dengan pemahaman literal terhadap satu hadis secara terasing (Ibrahim & Shamsudin, 2020).

Akar metodologi ini dapat dijejaki hingga ke zaman Rasulullah SAW sendiri, di mana penulisan hadis secara bertema (*al-tasnif al-mawdu'i*) telah dipraktikkan oleh Baginda dan para sahabat, sebelum berkembang menjadi karya-karya besar seperti *al-Muwatta'*, *Sahih al-Bukhari*, dan *Sahih Muslim* (Ibrahim & Shamsudin, 2019). Manhaj *al-tasnif al-mawdu'i* ini merupakan langkah pertama yang mesti wujud dalam kajian hadis tematik, kerana tanpanya, *dirasah mawdu'iyah min al-hadith* tidak dapat dijalankan (Ibrahim & Shamsudin, 2019). Dalam konteks kajian semasa, para sarjana seperti al-Zayyan (2002), al-Syarman (2009), al-Malyabari (2014), dan al-Qannas (2017) telah memperincikan langkah-langkah operasional kajian hadis tematik, dari penetapan tema hinggalah kepada pengeluaran dapatan yang berperanan membina manhaj Nabawi dalam realiti semasa.

Dalam memahami isu bersifat semasa seperti ekonomi, korpus utama hadis yang berkaitan dengannya terdiri daripada karya seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, dan *Jami' al-Tirmidhi* (Nasir, 2024). Ia termasuk dalam koleksi *Kutub al-Sittah* yang menjadi rujukan muktabar bagi korpus hadis Nabi Muhammad SAW (Nadzif et al., 2025). Menurut kajian Bagus (2021), inventori tematik dalam karya-karya hadis menunjukkan pengklasifikasian tema yang sangat luas. Terdapat kajian yang berjaya mengenal pasti sebanyak 129 hadis tentang pemeraksanaan komuniti daripada 18 koleksi yang berbeza. Hal ini mencerminkan keluasan panduan Nabi SAW dalam hal-hal ekonomi. Di antara sumber tersebut, *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* terbukti paling berpengaruh dalam membentuk undang-undang ekonomi Islam (Aini & Ambarrukmo, 2024).

Tema kerjaya dalam hadis menunjukkan betapa Nabi SAW menekankan kepentingan perniagaan, perdagangan, dan sumber pendapatan yang halal (Ilyas, 2018). Hadis mendorong kerja keras, kejujuran, dan inovasi, serta memandang keusahawanan sebagai jalan yang dapat membawa kepada kesejahteraan individu dan masyarakat (Al-Khalil & Tijani, 2024; Husaini & Tidjani, 2024). Prinsip-prinsip seperti perkongsian risiko, ketelusan, dan keadilan dalam transaksi komersial menjadi teras kepada sistem kewangan Islam kontemporari (Aini & Ambarrukmo, 2024; Yanto & Tidjani, 2024). Dalam bidang pertanian, panduan Nabi SAW menyerlahkan

kemuliaan kerja tangan dan pentingnya memanfaatkan tanah secara produktif, di mana umat Islam digalakkan untuk bercucuk tanam kerana selain memenuhi keperluan hidup, ia juga memberi manfaat kepada masyarakat secara kolektif (Bagus, 2021; Jokar & Mahdavirad, 2020).

Dari sudut prinsip asas ekonomi Islam, konsep *al-Kasb* menonjol sebagai ajaran penting dalam hadis yang menekankan nilai usaha dan pencarian rezeki melalui cara yang halal (Jokar & Mahdavirad, 2020; Nasir, 2024). Prinsip *al-Istighna'* pula menekankan kepentingan berdikari dan bebas daripada pergantungan yang tidak perlu terhadap orang lain (Jokar & Mahdavirad, 2020; Rozikan et al., 2021). Di samping itu, *al-Tawakkul* berfungsi sebagai keseimbangan harmoni antara usaha gigih dengan pergantungan kepada Allah SWT, mengajar bahawa umat Islam perlu berusaha dalam bidang ekonomi dengan sepenuh kemampuan, namun hasilnya tetap diserahkan kepada ketentuan Allah SWT (Jokar & Mahdavirad, 2020; Yanto & Tidjani, 2024). Analisis tematik terhadap hadis mebolehkan pengenalan sistematik terhadap tema kerjaya dan ekonomi yang menyokong integrasi nilai-nilai Islam ke dalam dasar ekonomi dan pendidikan moden (Bagus, 2021; Yanto & Tidjani, 2024).

Keseluruhannya, tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa tradisi kenabian menawarkan asas yang kaya dan multidimensi bagi pembangunan ekonomi Islam. Ia berteraskan konsep berdikari, pencarian rezeki secara beretika, dan keadilan sosial. Penyelidikan hadis secara tematik yang digabungkan dengan analisis sumber yang ketat dan pemahaman kontekstual mampu membuka jalan untuk pengintegrasian nilai-nilai Islam ke dalam sistem ekonomi moden.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah hadis *mawdu'i* yang dioperasikan melalui *dirasah mawdu'iyah min al-hadith* (Ibrahim & Shamsudin, 2020). Kaedah ini merupakan kajian yang bersifat konstruktif terhadap himpunan hadis yang mempunyai persamaan tema, bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap isu yang terkandung dalam hadis, dan seterusnya menghubungkan dapatan dengan realiti masa kini (al-Syarman, 2009; al-Qannas, 2017). Berbeza dengan *syarh al-mawdu'i li al-hadith* yang bermula daripada satu teks hadis tertentu, *dirasah mawdu'iyah* dalam kajian ini bermula daripada tema yang dipilih, iaitu aktiviti pembangunan ekonomi sendiri, dan kemudian menghimpunkan hadis-hadis yang mempunyai perkaitan langsung dengan tema tersebut daripada sumber yang ditetapkan (Ibrahim & Shamsudin, 2020).

Reka Bentuk dan Pemilihan Korpus

Sebanyak 21 hadis dipilih sebagai korpus kajian melalui proses *takbrij* daripada *al-Sahihayn*, iaitu *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Pemilihan *al-Sahihayn* sebagai sumber korpus didasarkan kepada tiga pertimbangan metodologikal. Pertama, kedua-dua karya ini merupakan sumber hadis berautoriti tertinggi yang diiktiraf oleh para ulama sebagai koleksi hadis paling sahih dalam tradisi Islam. Kedua, bagi kajian yang bertumpu kepada tujuan pembinaan prinsip (*istinbat*), keutamaan diberikan kepada hadis berstatus sahih sebagaimana yang ditetapkan dalam metodologi *dirasah mawdu'iyah* (al-Zayyan, 2002; al-Qannas, 2017). Hal ini relevan terutamanya apabila dipertimbangkan dalam konteks semakan *takbrij* hadis berkaitan tema keagamaan, di mana penggunaan sumber yang tidak sahih terbukti menghasilkan korpus yang bermasalah secara metodologikal (Ibrahim et al., 2023). Ketiga, pengkhususan pada *al-Sahihayn* menawarkan analisis mendalam yang lebih berfokus berbanding kajian melintasi keseluruhan *Kutub al-Sittah* yang memerlukan skop lebih luas (Ibrahim & Shamsudin, 2019). Kajian ini tidak menafikan kewujudan hadis berkaitan ekonomi sendiri dalam sumber-sumber lain seperti *Sunan Abu Dawud* dan *Jami' al-Tirmidhi* sebagaimana yang dinyatakan oleh Nasir (2024), namun pembatasannya pada *al-Sahihayn* merupakan pilihan metodologikal yang berprinsip dan sesuai dengan matlamat kajian ini.

Proses *takbrij* dilakukan menggunakan kaedah pembacaan (*istiqra'*) dan pencarian (*tatabbu'*) secara manual berbantuan laman sesawang Dorar.net dengan berpandukan kata kunci jangkauan

berkaitan aktiviti ekonomi dalam bahasa Arab seperti *al-bay'* (jual-beli), *al-tijarah* (perniagaan), *al-zira'ah* (pertanian), *al-hirfab* (kemahiran tangan), *al-ajr* (upah), dan *al-khidmah* (perkhidmatan). Kata kunci ini disimpulkan daripada perbincangan para sarjana tentang domain aktiviti ekonomi sendiri dalam hadis (Shaharuddin et al., 2021; Bagus, 2021). Setiap hadis yang ditemui kemudiannya dinilai kesesuaiannya sebelum dimasukkan ke dalam korpus kajian.

Proses Analisis Tematik

Analisis tematik dilakukan mengikut prosedur *dirasah mandu'iyah* sebagaimana yang digariskan oleh al-Zayyan (2002) dan diperincikan oleh al-Syarman (2009), yang meliputi langkah-langkah berikut: (i) penetapan tema kajian berdasarkan keperluan semasa dan relevansi syariah; (ii) penghimpunan hadis-hadis yang berkaitan dengan tema secara menyeluruh daripada sumber yang ditetapkan; (iii) pemprofilan perawi dan pengesahan status setiap hadis; (iv) pengelompokan hadis kepada sub-tema berdasarkan perkaitan makna; (v) pembinaan gambaran holistik terhadap tema melalui analisis hubungan antara sub-tema; dan (vi) pengkaitan dapatan dengan realiti ekonomi kontemporari.

Proses triangulasi dilakukan melalui perbandingan silang antara pelbagai riwayat dalam *al-Sahihayn* bagi hadis-hadis yang mempunyai lebih daripada satu jalur periwayatan, bagi memastikan konsistensi makna dan mengenal pasti sebarang pertambahan lafaz (*ziyadah*) yang relevan. Walau bagaimanapun, pertambahan lafaz tidak direkodkan di sini atas faktor keterbatasan kajian. Kemudian, pengekodan awal aktiviti pembangunan ekonomi sendiri dilaksanakan berdasarkan aktiviti ekonomi yang digambarkan secara eksplisit atau implisit dalam setiap hadis. Validasi tema dilakukan melalui semakan semula terhadap keseluruhan korpus untuk memastikan tiada hadis yang terkeluar daripada taksonomi yang dibina.

DAPATAN KAJIAN

Hasil sorotan dan analisis terhadap hadis dalam *al-Sahihayn* mendapati sebanyak 12 aktiviti pembangunan ekonomi sendiri berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Jadual 1: Senarai Teks Hadis Berkaitan Aktiviti Pembangunan Ekonomi Kendiri

Bil	Matan	Terjemahan	Sumber	Aktiviti
1	وَإِنَّ إِخْوَتِي مِنَ الْمُهَاجِرِينَ كَأَن يَشْعَلُهُمْ صَفْقٌ بِالْأَشْوَاقِ	Abu Hurairah RA berkata: "Saudara-saudaraku dari kalangan Muhajirin sibuk dengan perniagaan di pasar-pasar"	Hadis riwayat Abu Hurairah RA (<i>Sahih al-Bukhari</i> , No. 118, 119, 2350 & <i>Sahih Muslim</i> , No. 2492, 2493)	Perniagaan
2	هَلْ مِنْ سُوقٍ فِيهِ تِجَارَةٌ؟ قَالَ: سُوقٌ قَيْنُقَاعٍ، قَالَ: فَعَدَا إِلَيْهِ عَبْدُ الرَّحْمَنِ، فَأَتَى بِأَفِطٍ وَسَمْنٍ، قَالَ: ثُمَّ تَابَعَ الْغَدُوَّ	'Abd al-Rahman bin 'Awf RA bertanya: "Adakah ada pasar yang melangsungkan transaksi jual beli ketika ini?" Sa'ad bin al-Rabi' RA menjawab: "Pasar Qainuqa'." Perawi berkata: "Lalu 'Abd al-Rahman pergi ke sana membawa keju dan lemak." Perawi berkata lagi: "Dia melakukan perkara itu pada hari-hari berikutnya."	Hadis riwayat 'Abd al-Rahman bin 'Awf RA (<i>Sahih al-Bukhari</i> , No. 2048, 2049, 3780, 5072)	
3	سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمَغْرَاضِ	(Kata 'Adi bin Hatim RA) "Aku bertanya kepada Nabi SAW berkenaan alatan buruan."	Hadis riwayat 'Adi bin Hatim RA (<i>Sahih al-Bukhari</i> , No. 2054, 5476 & <i>Sahih Muslim</i> , No. 1929)	Perburuan

4	كُنَّا تَاجِرِينَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّرْفِ	Al-Bara' bin Azib dan Zaid bin Arqam RA berkata: "Kami dahulu adalah para pedagang di zaman Rasulullah SAW, lalu kami bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan pertukaran mata wang."	Hadis riwayat Abu al-Minhal (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2060, 2497 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 1589)	Pertukaran mata wang
5	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجَلٍ، وَرَهْنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ	Rasulullah SAW pernah membeli makanan daripada seorang yahudi secara bertanggung (iaitu bayaran dibuat kemudian), dan baginda mencagarkan baju besi.	Hadis riwayat 'A'isyah RA (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2068, 2096, 2200, 2251, 2252, 2386, 2509, 2513 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 1603)	Gadaian harta
6	وَلَقَدْ رَهَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَهُ بِشَعِيرٍ	Sungguh Nabi SAW telah menggadaikan baju besi baginda untuk mendapatkan gandum.	Hadis riwayat Anas RA (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2508)	
7	فَلَمَّا أَرَدْتُ أَنْ أَبْتَنِيَ بِفَاطِمَةَ بِنْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَاعْدْتُ رَجُلًا صَوَّاعًا مِنْ بَنِي قَيْنُقَاعَ أَنْ يَرْجُلَ مَعِيَ	(Kata 'Ali RA) "Ketika aku hendak menikahi Fatimah binti Rasulullah SAW, aku menyuruh seorang lelaki pembuat emas dari suku Bani Qainuqa' agar bersiar-siar bersamaku."	Hadis riwayat 'Ali RA (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2089, 3091, 4003 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 1979)	
8	إِنَّ حَيَّاطًا دَعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَطَعَامٍ صَنَعَهُ	(Anas bin Malik RA berkata) "Sesungguhnya, seorang tukang jahit mengundang Rasulullah SAW makan dengan makanan yang dimasaknya sendiri."	Hadis riwayat Anas bin Malik RA (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 5379, 5436, 5439, 2092 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 2041)	Tukang jahit dan tukang tenun
9	قَالَتْ: نَسَجْتُهَا بِيَدِي فَجِئْتُ لَأَكْسُو كَهَا	(Sahl bin Sa'ad RA bercerita tentang seorang wanita yang datang membawa burdah kepada Nabi SAW) Wanita itu berkata: "Aku menenunnya dengan tanganku sendiri, dan aku datang untuk memakaikannya kepadamu."	Hadis riwayat Abu Hazim (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 1277)	
10	بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى فُلَانَةٍ، امْرَأَةٍ قَدْ سَمَّاهَا سَهْلًا: أَنْ مُرِيَ غُلَامَكَ النَّجَّارَ، يَعْمَلُ لِي أَعْوَادًا، أَجْلِسُ عَلَيْهِنَّ إِذَا كَلَّمْتُ النَّاسَ	Rasulullah SAW mengutus seseorang untuk menemui seorang wanita yang namanya sudah disebutkan oleh Sahl, lalu berkata: "Perintahkanlah anakmu tukang kayu itu untuk membuat mimbar bertangga yang aku akan jadikan tempat duduk ketika aku berbicara dengan orang ramai."	Hadis riwayat Abu Hazim (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2094, 448, 917 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 544)	Tukang kayu
11	كَانَ زَكْرِيَّا نَجَّارًا	(Rasulullah SAW bersabda) "Sesungguhnya, Zakaria AS dahulu seorang tukang kayu."	Hadis riwayat Abu Hurairah RA (<i>Sabih Muslim</i> , No. 2379)	
12	مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ، كَمَثَلِ صَاحِبِ الْمِسْكِ وَكَبِيرِ الْحَدَّادِ	"Perumpamaan orang yang duduk bergaul dengan orang baik dan orang yang duduk bergaul dengan orang buruk seperti penjual minyak wangi dan tukang besi.	Hadis riwayat Abu Musa RA (<i>Sabih al-Bukhari</i> , No. 2101 & <i>Sabih Muslim</i> , No. 2628)	Penjual minyak wangi dan tukang besi

13	حَجَمَ أَبُو طَيْبَةَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَأَمَرَ لَهُ بِصَاعٍ مِنْ تَمْرٍ	Abu Taybah RA telah membekam Rasulullah SAW, lalu baginda membayarnya dengan satu gantang tamar.	Hadis riwayat Anas bin Malik RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2102, 2277, 2210, 5696 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1577)	Tukang bekam
14	اِحْتَجَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَعْطَى الَّذِي حَجَمَهُ، وَلَوْ كَانَ حَرَامًا لَمْ يُعْطِهِ	(Ibn ‘Abbas RA berkata) “Nabi SAW berbekam, dan baginda membayar tukang bekam, dan jika berbekam itu haram, maka baginda tidak akan membayarnya.”	Hadis riwayat Ibn ‘Abbas RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2103, 2278, 2279 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1202)	
15	أَمَّا امْرِئِي أَبُو خَلَالٍ ثُمَّ بَاعَ أَصْلَهَا	“Siapa sahaja yang telah mengahwinkan pohon kurma miliknya lalu menjual induknya..”	Hadis riwayat Ibn ‘Umar RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2206 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1543)	
16	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامِلَ خَيْبَرَ بِشَطْرِ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا مِنْ تَمْرٍ أَوْ رِيعٍ	Sesungguhnya, Nabi SAW mengupah seseorang untuk mengusahakan tanah Khaibar dengan penetapan separuh dari hasilnya (sebagai upah), sama ada kurma dan sayur.	Hadis riwayat Ibn ‘Umar RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2328, 2329 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1551)	Pertanian
17	مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَيْمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ	“Tidak ada seorang muslim yang menanam suatu tanaman, lalu tanaman tersebut dimakan oleh burung atau manusia atau haiwan, melainkan ia menjadi sedekah baginya.”	Hadis riwayat Anas bin Malik RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2320 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1553)	
18	جَاءَ أَبُو رَافِعٍ مَوْلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا سَعْدُ ابْتَغِ مِنِّي بَنِيَّ فِي دَارِكَ؟	Abu Rafi‘ mawla (bekas hamba) Nabi SAW datang, lalu berkata: “Wahai Sa‘ad, belilah dua buah rumahku yang ada di kampungmu.”	Hadis riwayat Amru bin al-Syarid (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2258)	
19	أَتَاهُمْ كَانُوا يُكْرُونَ الْأَرْضَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ	Rafi‘ bin Khadij RA menceritakan bahawa dua orang bapa saudaranya telah menyewakan tanah pada zaman Nabi SAW.	Hadis riwayat Rafi‘ bin Khadij (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2346 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 1547)	Jual-beli dan sewaan tanah
20	مَنْ كَانَ لَهُ فَضْلٌ أَرْضٍ فَلْيَزْرِغْهَا، أَوْ لِيُزْرِغْهَا أَخَاهُ، وَلَا يَبِيعُوهَا	“Sesiapa yang memiliki lebih tanah, hendaklah dia berkebun atau meminjamkan kepada saudaranya supaya berkebun dan janganlah menjualnya.”	Hadis riwayat Jabir bin Abdullah RA (<i>Sahib Muslim</i> , No. Hadis 1536)	
21	وَاللَّهِ إِنِّي لَأَرْقِي، وَلَكِنْ وَاللَّهِ لَقَدْ اسْتَضَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضَيِّفُونَا، فَمَا أَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعَلًا، فَصَالِحُوهُمْ عَلَى قَطِيعٍ مِنَ الْغَنَمِ	(Kata lelaki itu) “Demi Allah aku akan mewarat, namun demi Allah sebelum ini kami meminta untuk menjadi tetamu kalian tetapi kalian tidak berkenan, maka aku tidak akan menjadi perawat kecuali apabila kalian memberi upah.” Akhirnya mereka bersepakat dengan upah puluhan ekor kambing.	Hadis riwayat Abu Sa‘id al-Khudri RA (<i>Sahib al-Bukhari</i> , No. 2276, 5007, 5736, 5749 & <i>Sahib Muslim</i> , No. 2201)	Mengambil upah membaca <i>ruqyah</i>

Berdasarkan analisis tematik terhadap hadis-hadis yang diperoleh daripada sumber *al-Sahihayn*, kajian ini telah mengenal pasti 12 aktiviti pembangunan ekonomi sendiri utama menurut perspektif hadis. Semua aktiviti tersebut mencerminkan pelbagai bentuk pekerjaan dan usaha yang diiktiraf serta digalakkan dalam Islam sebagai sumber rezeki yang halal dan bermaruah.

Antara aktiviti yang dikenal pasti termasuklah perniagaan yang merupakan antara bentuk pekerjaan yang paling banyak dibincangkan dalam hadis, diikuti dengan aktiviti perburuan yang halal, serta urusan pertukaran mata wang yang memerlukan kepatuhan terhadap prinsip syariah. Kajian turut menemui aktiviti gadaian harta sebagai mekanisme sokongan ekonomi, dan pekerjaan sebagai tukang emas, tukang jahit, tukang tenun, tukang kayu, tukang bekam, yang menunjukkan kepelbagaian bentuk kemahiran tangan yang diiktiraf dalam Islam. Selain itu, hadis-hadis di atas juga membicarakan tentang pertanian sebagai pekerjaan mulia, serta peranan penjual minyak wangi dan tukang besi dalam ekosistem ekonomi masyarakat. Tidak ketinggalan, konsep jual-beli dan sewaan tanah serta pengambilan upah untuk membaca *ruqyah* turut disenaraikan sebagai usaha ekonomi yang sah menurut panduan syarak.

Jadual 2: Taburan Hadis Aktiviti Pembangunan Ekonomi Kendiri

Bil	Kitab Rujukan	Kekerapan Pengulangan
1	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	3 rujukan (al-Bukhari), 2 (Muslim)
2	<i>Sahih al-Bukhari</i>	4 rujukan (al-Bukhari)
3	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	2 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
4	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	2 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
5	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	8 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
6	<i>Sahih al-Bukhari</i>	1 rujukan
7	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	3 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
8	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	4 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
9	<i>Sahih al-Bukhari</i>	1 rujukan
10	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	3 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
11	<i>Sahih Muslim</i>	1 rujukan
12	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	1 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
13	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	4 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
14	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	3 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
15	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	1 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
16	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	2 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
17	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	1 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
18	<i>Sahih al-Bukhari</i>	1 rujukan
19	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	1 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)
20	<i>Sahih Muslim</i>	1 rujukan
21	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim</i>	4 rujukan (al-Bukhari), 1 (Muslim)

PERBINCANGAN

Taburan Hadis Mengikut Sumber Rujukan

Merujuk kepada Jadual 2, sorotan terhadap *al-Sahihayn* berkaitan aktiviti pembangunan ekonomi sendiri mendapati sebanyak 19 hadis direkodkan dalam *Sahih al-Bukhari*, manakala 17 hadis terdapat dalam *Sahih Muslim*, dengan 15 hadis direkodkan dalam kedua-dua kitab. Dapatan ini menunjukkan bahawa sumber utama bagi hadis-hadis berkaitan aktiviti ekonomi sendiri memiliki tahap kesahihan yang sangat tinggi kerana diriwayatkan dalam *al-Sahihayn* yang diiktiraf sebagai dua kitab hadis paling berautoriti dalam tradisi Islam. Kitab-kitab ini menjadi rujukan utama kerana kredibiliti perawi dan ketatnya metodologi penyaringan hadis yang digunakan oleh al-Bukhari dan Muslim. Dominasi kedua-dua kitab ini menggambarkan bahawa isu ekonomi sendiri mendapat perhatian yang signifikan dalam periwayatan hadis sahih.

Dalam masa yang sama, dapatan ini juga mencerminkan bahawa kaedah *al-tasnif al-mawdu'i* telah dipraktikkan sejak zaman pembukuan kitab hadis terawal. Al-Bukhari dan Muslim sendiri sudah mengklasifikasikan tema-tema ekonomi sendiri ini ke dalam bab-bab dan kitab-kitab khusus (Ibrahim & Shamsudin, 2019). Ini bermakna kepentingan hadis-hadis ekonomi sendiri ini bukan hanya diakui dalam tradisi fiqh muamalat, bahkan tertanam dalam struktur pengelasan hadis yang dibina oleh kedua-dua tokoh hadis tersebut. Kenyataan ini mempunyai implikasi metodologikal yang penting. Apabila *dirasah mawdu'iyah* dijalankan terhadap sesuatu tema seperti ekonomi sendiri, kajian tersebut sebenarnya sedang mengaktifkan semula kerja *al-tasnif al-mawdu'i* yang telah dilakukan oleh para pengumpul hadis klasik, dan memperkembangkannya menjadi

analisis konseptual yang relevan dengan konteks semasa (Ibrahim & Shamsudin, 2019; Ibrahim & Shamsudin, 2020). Justeru, pemilihan *al-Sahihayn* sebagai sumber kajian memberikan jaminan kekuatan dalil dan keabsahan epistemologi dalam menganalisis konsep ekonomi sendiri menurut perspektif Islam.


Taburan Hadis Mengikut Sumber Nama Perawi

Perawi utama hadis ini terdiri daripada sahabat Nabi SAW yang terkenal banyak meriwayatkan hadis seperti Abu Hurairah RA (Hadis 1, 11), Ibn 'Umar RA (Hadis 15, 16), Anas bin Malik RA (Hadis 8, 13, 17), dan 'A'isyah RA (Hadis 5). Selain itu, dapatan merekodkan bahawa hadis pembangunan ekonomi sendiri turut diriwayatkan oleh perawi seperti 'Abd al-Rahman bin 'Awf RA (Hadis 2), Jabir bin Abdullah RA (Hadis 20), Ibn 'Abbas RA (Hadis 14), dan Abu Musa al-Ash'ari RA (Hadis 12). Variasi perawi ini bukan sahaja mengukuhkan kesahihan maklumat secara teknikal, bahkan memberi petanda sosiologikal yang bermakna. Para perawi utama ini mewakili latar belakang sosio-ekonomi yang pelbagai. 'Abd al-Rahman bin 'Awf RA dikenali sebagai seorang pedagang yang berjaya, manakala Abu Hurairah RA dikenali sebagai sahabat yang mempunyai banyak masa bersama Nabi dalam konteks kehidupan harian, dan Abu Musa al-Ash'ari RA mewakili dimensi kemahiran dan perkhidmatan dalam kehidupan ekonomi umat Islam. Kepelbagaian latar belakang perawi ini mencerminkan bahawa panduan ekonomi sendiri dalam hadis bukan sahaja disampaikan dalam konteks undang-undang formal, tetapi juga dalam konteks amalan hidup harian yang merentasi semua lapisan masyarakat.

Taburan Hadis Mengikut Tema

Berdasarkan kajian terhadap hadis-hadis yang dikumpulkan, kajian ini mengenal pasti bahawa kesemua riwayat tersebut secara konseptual dapat dikategorikan kepada empat tema utama yang mencerminkan pelbagai dimensi pembangunan ekonomi sendiri dalam perspektif Islam.

Rajah 1: Dimensi Tema Pembangunan Ekonomi Kendiri Dalam Hadis *al-Sahihayn*



Tema pertama yang paling banyak dibincangkan ialah perniagaan yang merangkumi lapan hadis. Hadis-hadis ini merangkumi aktiviti jual-beli (Hadis 1, 2), pertukaran mata wang (Hadis 4), amalan gadaian (Hadis 5, 6), serta jual-beli dan sewaan tanah (Hadis 18, 19, 20). Dapatan paling signifikan dari sudut analitik ialah penglibatan secara langsung Nabi SAW sebagai pihak dalam yang melakukan transaksi. Baginda SAW membeli makanan secara bertanggung dengan menggadaikan baju besi (Hadis 5), dan membenarkan 'Abd al-Rahman bin 'Awf RA memulakan perniagaan dari sifar di Pasar Qainuqa' (Hadis 2). Pendekatan *mawdu'i* mendedahkan bahawa hal ini bukan sekadar kisah sejarah, tetapi merupakan model normatif secara implisit (*tabi'i*) yang menyatakan bahawa keusahawanan berteraskan modal sendiri, kejujuran kontrak, dan kepatuhan

syariah adalah prinsip-prinsip yang dihidupkan oleh Nabi SAW, bukan hanya diajarkan secara teoritikal.

Tema kedua ialah pertanian. Terdapat tiga hadis diklasifikasikan dalam tema ini, yang menyentuh hak pemilikan pokok dan hasil tanaman (Hadis 15), sistem perkongsian hasil pertanian melalui *muzara'ah* (Hadis 16), dan aktiviti penanaman sebagai amalan berpahala (Hadis 17). Hadis 17 yang menjanjikan pahala sedekah bagi setiap tanaman yang dimakan oleh burung, manusia, atau haiwan mendedahkan dimensi yang menjangkau sektor ekonomi. Pertanian dalam Islam adalah akad sosial yang menghubungkan pengeluar, alam sekitar, dan masyarakat dalam satu ekosistem tanggungjawab bersama. Prinsip ini selari dengan dua Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang digariskan oleh United Nations, iaitu SDG 2 (*Zero Hunger*) dan SDG 15 (*Life on Land*), sekaligus menunjukkan bahawa panduan Nabi SAW tentang pertanian mengandungi prinsip pembangunan mampan yang jauh mendahului wacana moden (Ibrahim et al., 2026).


Tema ketiga berkaitan aktiviti teknikal dan vokasional (TVET) diwakili oleh tujuh hadis merangkumi kepakaran dalam kemahiran berburu (Hadis 3), tukang emas (Hadis 7), tukang jahit dan tukang tenun (Hadis 8, 9), tukang kayu (Hadis 10, 11), serta penjual minyak wangi dan tukang besi sebagai perumpamaan kemahiran bertanda niaga (Hadis 12). Dapatan paling menarik perhatian ialah Hadis 11 yang memperihalkan Nabi Zakaria AS seorang tukang kayu. Perperihalan ini bukan sekadar fakta sejarah semata-mata, bahkan lebih daripada itu, ia adalah pernyataan normatif tentang martabat pekerjaan berkemahiran tangan dalam hierarki Islam. Para nabi bekerja dengan tangan mereka, dan Nabi SAW menyebutkannya secara tidak langsung untuk menegaskan bahawa kemahiran teknikal adalah pekerjaan yang mulia, bukan pekerjaan bertaraf rendah. Implikasi pedagogikal ini sangat relevan dalam konteks pembangunan kurikulum TVET berteraskan nilai Islam.

Tema keempat pula ialah perkhidmatan. Tiga hadis yang diklasifikasikan dalam tema ini tertumpu pada khidmat bekam (Hadis 13, 14) dan pengambilan upah membaca *ruqyah* sebagai perkhidmatan penyembuhan komplementari (Hadis 21). Ketegasan prinsip dizahirkan dalam Hadis 14. Kenyataan bahawa Nabi SAW membayar tukang bekam, dan jika bekam itu haram tentu Baginda SAW tidak akan membayarnya, menggunakan logik hukum secara terbalik (*a contrario*) yang sangat kuat dari sudut ilmu usul al-fiqh. Ini menunjukkan bahawa hak mendapat upah yang setimpal bagi perkhidmatan yang halal adalah prinsip yang tertegak bukan hanya melalui perintah eksplisit, tetapi melalui tindakan Nabi SAW sendiri.

Prinsip Utama Pembangunan Ekonomi Kendiri

Analisis silang terhadap keempat-empat tema menghasilkan empat prinsip teras yang muncul secara berulang dalam hadis-hadis yang dikaji, dan dapat dirumuskan dalam rajah 2 berikut:

Rajah 2: Gambaran Prinsip Utama Pembangunan Ekonomi Kendiri Menurut Perspektif Hadis



Prinsip pertama ialah kejujuran dan ketelusan (*al-sidq wa al-amanah*) yang muncul paling konsisten dalam hadis perniagaan, khususnya melalui konteks jual-beli, penetapan harga, dan klausa kontrak. Prinsip kedua ialah kepakaran dan profesionalisme (*al-itqan*) yang muncul dalam hadis TVET dan perkhidmatan yang menghargai kemahiran tinggi berbanding kerja sambil lewa. Prinsip ketiga pula ialah keadilan sosial dalam agihan sumber (*al-'adl fi tawzi' al-mawrid*) yang muncul secara jelas dalam hadis pertanian, khususnya melalui sistem *muzara'ah* dan galakan memberi peluang kepada orang lain menggunakan tanah lebihan. Keempat, prinsip upah halal yang sepadan dengan usaha (*al-ajr al-muqabil li al-juhd*) yang merentasi semua aktiviti dalam tema empat, bermula dari upah tukang kayu hingga upah membaca *ruqyah*.

Keempat-empat prinsip ini tidak sekadar etika am dalam Islam semata-mata, bahkan merupakan syarat-syarat struktural yang khusus bagi kemandirian (*al-istighna*), yang membezakan ekonomi sendiri Islam daripada konsep keusahawanan secara umum. Individu yang bekerja tanpa kejujuran tidak mencapai kemandirian yang bermartabat, yang bekerja tanpa kepakaran akan bergantung kepada nasib, dan yang mengumpul sumber tanpa keadilan pula hanya membina kekayaan secara peribadi, bukan demi kesejahteraan ummah. Justeru, keempat-empat prinsip ini bersifat saling bergantung dan perlu dioperasikan secara serentak untuk menghasilkan model ekonomi sendiri Islam yang berdaya tahan.

KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan bahawa wujud aktiviti pembangunan ekonomi sendiri dalam Islam yang berteraskan sumber hadis yang kukuh, autentik, dan berstatus sahih. Sebanyak 21 hadis yang dikaji telah membentuk 12 aktiviti ekonomi utama yang merangkumi sektor perniagaan, pertanian, kemahiran teknikal, dan perkhidmatan. Pembentukan tema-tema ini mendedahkan bahawa ajaran Nabi Muhammad SAW berkaitan pembangunan ekonomi sendiri bersifat holistik, menyeimbangkan aspek spiritual, etika, dan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk mencapai keberdayaan dan kesejahteraan ummah.

Terdapat tiga sumbangan utama kajian ini. Pertama, kajian ini berjaya mengaplikasikan kaedah *dirasah mawdu'iyah min al-hadith* secara metodologikal yang berprinsip terhadap tema ekonomi sendiri, mengisi kelompongan antara metodologi hadis *mawdu'i* dan wacana ekonomi Islam yang sering beroperasi secara terasing. Kedua, kajian ini menyumbang taksonomi empat domain (perniagaan, pertanian, TVET, perkhidmatan) dan kerangka empat prinsip (kejujuran, kepakaran, keadilan sosial, upah halal) yang boleh berfungsi sebagai asas untuk kajian komparatif dan pembinaan indikator pembangunan berasaskan hadis. Ketiga, kajian ini juga berjaya menghubungkan prinsip-prinsip yang diperoleh daripada *al-Sahihayn* dengan matlamat SDG. Hal ini menunjukkan bahawa wacana pembangunan mampan kontemporari mempunyai akar dalam warisan kenabian yang mendahului penggubalan agenda pembangunan global.

Walau bagaimanapun, kajian ini mengakui beberapa keterbatasan. Pertama, korpus kajian terhad kepada *al-Sahihayn* sahaja, dan tidak merangkumi keseluruhan hadis berkaitan ekonomi sendiri dalam tradisi Islam. Justeru, kajian lanjut perlu memperluas korpus kepada *Kutub al-Sittah* atau *al-Kutub al-Tis'ah* untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Kedua, kerangka konseptual yang dikemukakan masih pada peringkat pengeluaran prinsip (*istinbat*) dan belum dioperasikan sebagai model dengan indikator yang boleh diukur. Ketiga, pengkaitan dengan SDG masih bersifat analogi dan memerlukan kajian empirikal untuk mengesahkan korelasi tersebut. Kajian lanjut diharap dapat membangunkan indikator praktikal dan rangka kerja operasi yang berlandaskan hadis bagi mengarusperdanakan konsep ekonomi sendiri dalam konteks globalisasi dan cabaran ekonomi digital semasa. Pendekatan ini, apabila diintegrasikan dengan kajian lapangan dan analisis dasar, berpotensi mewujudkan satu model ekonomi sendiri sunnah yang benar-benar berteraskan epistemologi wahyu dan mampu berdialog dengan wacana pembangunan global.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) dengan kod rujukan FRGS-EC/1/2024/SSI03/USIM/02/9.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsep, reka bentuk, dapatan dan perbincangan, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; Analisis data dan perbincangan serta penyuntingan, Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Norazmi Anas & Mohd Erfino Johari; Pengumpulan data dan verifikasi sumber, Amran Abdul Halim; Penyuntingan bahasa, pemformatan manuskrip dan pengurusan rujukan, Mohd Solleh Ab Razak & Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Dalam penyediaan artikel ini, penulis menggunakan alat kecerdasan buatan (AI) bagi membantu memperkemas aspek bahasa dan kejelasan penulisan, membangun literatur, menjalankan analisis dan membangunkan tema. Walau bagaimanapun, keseluruhan idea dan pemilihan hadis adalah hasil penyelidikan penulis sendiri, manakala kandungan ilmiah dan hasil analisis telah disemak silang dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan akhir artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Abdullah, S., & Rofie, M. K. H. (2023). Kebijaksanaan Dan Strategi Keusahawanan Islam Pasca Covid-19 (Post Covid-19 Islamic Entrepreneurial Wisdom and Strategy). *Journal of Business Management and Accounting*, 13(1), 107-127. DOI: [10.32890/jbma2023.13.1.5](https://doi.org/10.32890/jbma2023.13.1.5)
- Addas, W. A. J. (2008). *Methodology of economics: Secular vs Islamic - A comparative study of economics: From self-interest to "God's interest"*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Aini, S. N., & Ambarrukmo, P. (2024). The Role of Hadith in Determining Islamic Economic Law: A Study of Economic Hadiths in Sahih Bukhari and Muslim. *Journal of Noesantara Islamic Studies*, 1(4), 179-197. DOI: [10.70177/jnis.v1i4.1390](https://doi.org/10.70177/jnis.v1i4.1390)
- Azmi, A. M., Al-Qabbany, A. O., & Hussain, A. (2019). Computational and Natural Language Processing Based Studies of Hadith Literature: A Survey. *Artificial Intelligence Review*, 52(2), 1369-1414. DOI: [10.1007/s10462-019-09692-w](https://doi.org/10.1007/s10462-019-09692-w)
- Bagus, S. (2021). Islam Dan Pemberdayaan Masyarakat Perspektif Hadis. *Al-Bayan: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Hadist*, 4(2), 143-158. DOI: [10.35132/albayan.v4i2.126](https://doi.org/10.35132/albayan.v4i2.126)
- Al-Bukhari, M. I. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Chin, M., Wafa, S. A., & Hassan, R. A. (2017). Niat untuk meninggalkan organisasi, sistem kenaikan pangkat dan kepuasan kerja di kalangan penjawat awam persekutuan yang dilantik di bawah skim perkhidmatan tertutup di Sabah. *Journal of the Asian Academy of Applied Business*, 4: 29-47. DOI: [10.51200/jaaab.v0i0.1273](https://doi.org/10.51200/jaaab.v0i0.1273)
- Choudhury, M. A. (2016). *Islamic financial economy and Islamic banking*. Routledge.
- Coy, L. & Tidjani, A. M. (2024). The Purpose and Function of the Hadith About the Economy. *al-Bunyan: Interdisciplinary Journal of Qur'an and Hadith Studies* 2(2): 77-86. DOI: [10.61166/bunyan.v2i2.34](https://doi.org/10.61166/bunyan.v2i2.34)
- Dol Malek, M. D. H. D., Jima'ain, M. T. B., Marni, N., Adenan, F., Mustafa, S. N. M., & Yusof, A. S. (2024). Islamic Economic Development in the Context of Islamic Tax: A Literature Review. *The AI Revolution: Driving Business Innovation and Research: Volume 2*, 653-659. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-031-54383-8_50
- Furqani, H., & Haneef, M. A. (2019). Usul Al-Iqtisad approach in developing the foundations of Islamic economics discipline. Dalam *Methodology of Islamic Economics* (pp. 117-133). Routledge.
- Furqani, H., Adnan, G., & Mulyany, R. (2020). Ethics in Islamic economics: microfoundations for an ethical endogeneity. *International Journal of Ethics and Systems*, 36(3), 449-463. DOI: [10.1108/IJOES-03-2020-0032](https://doi.org/10.1108/IJOES-03-2020-0032)

- Ghazali, N. M., Hoque, M., Abd Manan, M., & Mohd, R. A. (2023). Source of Enhancing Mothers Role in The Light of Hadiths Sahih al-Bukhari. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 7(1), 98-113. DOI: [10.30983/it.v7i1.6645](https://doi.org/10.30983/it.v7i1.6645)
- Husaini, M. & Tidjani, A. M. (2024). The Role of Hadith in Building Entrepreneurial Mentality. *Values: Jurnal Kajian Islam Multidisiplin* 1(3): 269-276. <https://doi.org/10.61166/values.v1i3.40>
- Ibrahim, M. N. A., & Shamsudin, R. (2019). Konsep al-Tasnif al-Mawdu'i dan Peranannya dalam Perbahasan Hadith Mawdu'i. *Jurnal Usuluddin*, 47(2), 65–92. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.3>
- Ibrahim, M. N. A., & Shamsudin, R. (2020). Konsep Hadith Mawdu'i Menurut Perspektif Pengkaji Hadith Kontemporari: Antara Dirasah al-Mawdu'iyah min al-Hadith dan Syarh al-Mawdu'i li al-Hadith. *Ma' alim al-Qur'an Wa al-Sunnah*, 16(1), 15–34. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i1.213>
- Ibrahim, M. N. A., Anas, N. ., Wan Mokhtar, W. K. A., & Ismail, A. H. . (2025a). A Thematic Analysis of Hadiths on Self-Reliant Economic Development Activities. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 34(07), 95–107. <https://doi.org/10.64757/alqanatr.2025.346/1262>
- Ibrahim, M. N. A., Hamdan, M. N., Nasir, M. K. M., & Faisal, M. S. (2023). Analisis Kritikan 'Azwu Karya al-Munabbihat kepada Ibn Hajar al-'Asqalani. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 45(Isu Khas), 31–46. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-03>
- Ibrahim, M. N. A., Hamdan, M. A. M., Shamsudin, R., Ab Razak, M. S., & Mokhtar, W. K. A. W. (2025b). Percanggahan Waktu Mustajab Doa Hari Jumaat: Analisis Kaedah Tarjih Al-Suyuti Menurut Perspektif Hadis Mawdu'i. *Journal of Hadith Studies*, 10(1SI), 140-154. <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/354>
- Ibrahim, M. N. A., Anas, N., Mak Din, H. A., Kusairee, M. A. Z. A., & Nasir, Z. A. (2026). Self-reliant Economic Development for Poverty Eradication Under the SDG Agenda. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 13(6), 35-45. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2026.06.004>
- Ilyas, M. (2018). Islamic work ethics and corporate social responsibility in business organizations: issues and challenges. *Academy of Accounting and financial studies journal*, 22, 1-6.
- Jamal, I. H., Mohd Tawil, S. F., Ghazali, N. M., & Javed, A. (2025). The Development of Ontology in Hadith Studies: A Bibliometric Analysis. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 47(1), 205-220. DOI: [10.17576/islamiyyat-2025-4701-17](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2025-4701-17)
- Jokar, H., & Mahdavidar, M. A. (2020). General Economic Principles of Modern Islamic Civilization Based on the Prophetic Tradition. *Contemporary Researches on Islamic Revolution* 2(5): 69-92.
- Kahf, M. (2019). Islamic Economics' Methodology and Fiqh. Dalam *Methodology of Islamic Economics* (pp. 161-180). Routledge.
- Al-Khalil, I., & Tijani, A. M. (2024). Developing an Entrepreneur's Soul Through Hadith. *Values: Jurnal Kajian Islam Multidisiplin*, 1(3), 277-285. <https://doi.org/10.61166/values.v1i3.39>
- Koller, J. M. (2004). From the Prophet to the Present: An Historical Approach to Understanding Islam. *The Journal of Comparative Asian Development* 3(1), 29-50. DOI: [10.1080/15339114.2004.9678391](https://doi.org/10.1080/15339114.2004.9678391)
- Latukau, F., Amin, D., & Huapea, M. K. (2021). Perekonomian Masyarakat Pesisir Perspektif Ekonomi Islam (Studi Pada Negeri Morella). *Amal: Jurnal Ekonomi Syariah*, 3(2), 146-161. DOI: [10.33477/eksy.v3i02.3097](https://doi.org/10.33477/eksy.v3i02.3097)
- Majid, L. A., Hussain, A. M., Sulong, W. S. N. W., & Nadra Zainol, N. Z. (2024). Establishing a Harmonious Society: The Approach of Sahih Bukhari Hadith in Addressing Socio-Political Issues in Malaysia. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 46(2), 29-40. DOI: [10.17576/islamiyyat-2024-4602-03](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2024-4602-03)
- Al-Malyabari, H. 'A. (2014). *Dirasat Tatbiqiyah fi al-Hadith al-Mawdu'i*. Kuliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah.
- Marzuki, M., Santoso, B., & Ghofur, M. A. (2021, November). Penguatan Peran Pesantren untuk Membangun Pertahanan Umat Islam Indonesia di Era Society 5.0. Dalam *Prosiding Seminar Nasional Sains Teknologi Dan Inovasi Indonesia (SENASTINDO)* (Vol. 3, No. 21, pp. 269-278).
- Md Ariffin, M. F., Mohd Rokhibi, I. A., Amran, N. N., Ahmad, M. N., & Othman, F. M. (2023). Falasi dalam Pendalilan Hadith (Istidlal al-Hadith). *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 45(Isu Khas): 61-74. DOI: [10.17576/islamiyyat-2023-45IK-05](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-05)
- Mohamad, R., & Othman, N. (2018). Korelasi efikasi sendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika*, 88(2), 59-70. DOI: <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-04>
- Muslim, H. (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi.
- Nadzif, W. K., Zulkiply, S. N., Anas, N., Aiman Wan Mokhtar, W. K., & Eid Mutawe, A. F. (2025). Perawi Patronimi Bernama Hilal dalam al-Kutub al-Sittah. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 47(1): 135-146. DOI: [10.17576/islamiyyat-2025-4701-11](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2025-4701-11)
- Nasir, M. (2024). Analisis Hadis dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Al-Madaris Jurnal Pendidikan Dan Studi Keislaman*, 5(2), 50-61. DOI: [10.47887/amd.v5i2.168](https://doi.org/10.47887/amd.v5i2.168)
- Al-Qannas, M. A. (2017). *Madkhal li al-Dirasah al-Hadith al-Mawdu'i*. Dar al-Sumai'i.
- Rahmanto, M., & Satyarini, J. N. (2021, January). An Islamic Perspective on Self-Reliance Economy. In *4th International Conference on Sustainable Innovation 2020—Social, Humanity, and Education (ICoSIHESS 2020)* (pp. 57-62). Atlantis Press.

- Rasheedi, N. A., Zamrii, W. N. N. W., Yaacobiii, N. I. M., & Saidiniv, M. (2022). Terjemahan Hadis Isyarat Mesra Oku Pendengaran (OP): Hadis Kewajipan Mencari Rezeki Yang Halal. *Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800 Negeri Sembilan.*, 108. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/9a34adfe-43e3-4b5a-acac-257fcf78d13c>
- Rozikan, M., Rahmanto, M., & Satyarini, J. N. E. (2021). An Islamic perspective on self-reliance economy. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 518, 57–62. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210120.105>
- Shaharuddin, S. A., Usman, A. H., Majid, M. A., Abdullah, M. Y. M., & Amran, S. N. A. (2021). Galakan keusahawanan menurut perspektif Hadis Nabawi: Satu tinjauan literatur sistematik. *HADIS*, 11(21), 689-700. DOI: [10.53840/hadis.v11i21.130](https://doi.org/10.53840/hadis.v11i21.130)
- Siregar, R., & Majid, M. S. A. (2023). Pembangunan Ekonomi dalam Perspektif Islam. *Jurnal EMT Kita* 7(1): 71-82. DOI: [10.35870/emt.v7i1.722](https://doi.org/10.35870/emt.v7i1.722)
- Syamsuddin, S. (2022). Strategi Pembangunan dalam Ekonomi Islam: Menelusuri Pemikiran Filosofis Musa Asy'arie. *Jurnal Ilmiah Ekonomika & Sains*, 3(2), 30-42. DOI: [10.54066/jiesa.v3i2.274](https://doi.org/10.54066/jiesa.v3i2.274)
- Syamsuri, S. (2020). Strategi pengembangan ekonomi berdikari di Pesantren Gontor berbasis pengelolaan kopontren. *Al-Intaj: Jurnal Ekonomi Dan Perbankan Syariah*, 6(1), 37-50. DOI: [10.29300/aij.v6i1.2803](https://doi.org/10.29300/aij.v6i1.2803)
- Al-Syarman, K. M. M. (2009). *Al-Hadith al-Mawdu'i: Dirasah Ta'wiliyyah Tathbiyyah*. Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Yaka, Z. (2022). The effects of measures taken in the scope of the Islamic price policy on investment, production, employment, and stability. *Ilahiyat Studies*, 13(1): 83-117. DOI: [10.12730/13091719.2022.131.234](https://doi.org/10.12730/13091719.2022.131.234)
- Yanto, M., & Tidjani, A. M. (2024). Religious Relations and Economics Hadith Perspective. *Values: Jurnal Kajian Islam Multidisiplin*, 1(3), 226-242. DOI: [10.61166/values.v1i3.31](https://doi.org/10.61166/values.v1i3.31)
- Yusoff, M. F. M. (2020). A Ḥadīth Collection over the Generations: The Transmission of Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 42(2): 15-21. DOI: [10.17576/islamiyyat-2020-4202-02](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4202-02)
- Al-Zayyan, R. I. (2002). Al-Hadith al-Mawdu'i Dirasah Nazariyyah. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah*, 10(2), 207–248. <https://journals.iugaza.edu.ps/index.php/IUGJIS/article/view/1495>